

**TAHAP KESEDIAAN PENGETAHUAN DAN KEMAHIRAN AMALI  
GURU-GURU PKPG SEKOLAH RENDAH MENGAJAR  
KEMAHIRAN HIDUP DI SEKOLAH MENENGAH.**

**MAZLIFAH BINTI CHE AHMAD**

Laporan Projek Ini Dikemukakan  
Sebagai Memenuhi Sebahagian Daripada Syarat  
Penganugerahan Ijazah Sarjana Muda Teknologi Serta Pendidikan  
(Kemahiran Hidup)

Fakulti Pendidikan  
Universiti Teknologi Malaysia

APRIL 2008

“ Saya akui bahawa saya telah membaca karya ini dan pada pandangan saya karya ini adalah memadai dari segi skop dan kuantiti untuk tujuan penganugerahan Ijazah Sarjana Muda Teknologi serta Pendidikan (Kemahiran Hidup)”

Tandatangan : .....

Nama Penyelia : DR. AZLINA BINTI MOHD KOSNIN

Tarikh : 28 APRIL 2008

“ Saya akui karya ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan dan ringkasan yang  
tiap-tiap satunya saya jelaskan sumbernya”

Tandatangan : .....  
Nama Penuh : MAZLIFAH BINTI CHE AHMAD  
Tarikh : 28 APRIL 2008

## DEDIKASI

Dengan nama Allah yang maha pemurah lagi maha mengasihani.  
Segala pujian atas limpah dan kurnia Allah S.W.T tuhan seluruh alam.  
Selawat dan salam ke atas junjungan nabi Muhammad S.A.W.

**Buat ayah dan bonda tersayang,**

*Che Ahmad Bin Shaari*

*Baidah Binti Md. Zain*

Segala dorongan, pengorbanan dan keikhlasanmu  
tidak termampu diungkapkan dengan kata-kata.  
Hanya Allah sahaja yang maha mengetahui dan membalasnya  
serta maafkanlah segala kekhilafan yang lalu.  
Segala pengorbanan dan keperitan dalam menghadapi dugaan hidup selama ini  
tetap menjadi teladan dan kenangan kita sekeluarga .

Tiada apa yang dapatku bicarakan hanya doamu mengiringi setiap detik perjalanan  
hidup anakdamu ini. Harapanmu kini telah ku tunaikan jua  
dan buat kakak dan adik-adikku terima kasih atas segalanya.

Semoga Allah memberi hidayah dan membuka pintu rahmatNya

## PENGHARGAAN

Dengan Nama Allah Yang Maha Pengasih Dan Maha Penyayang. Segala puji Bagi Allah S.W.T. dan salam atas Nabi Muhammad S.A.W serta keluarga dan sahabatnya. Dengan taufik dan hidayahNya dapatlah penyelidik menyempurnakan kajian ini.

Setinggi-tinggi penghargaan terima kasih kepada Pensyarah Pembimbing PSM, Dr. Azlina Mohd Kosnin di atas bimbingan dan tunjuk ajar yang diberikan dalam melaksanakan projek ini. Dengan nasihat, komitmen dan kesabaran beliau, akhirnya projek ini berjaya disiapkan.

Penghargaan dan terima kasih juga terima kasih juga kepada rakan-rakan di atas bantuan, dorongan, tunjuk ajar, sumbangan idea dan pendapat dalam menjayakan projek ini. Semoga dengan adanya projek ini ianya dapat membantu dan memberi panduan dan maklumat kepada sesiapa yang berkenaan.

Terima kasih.

## ABSTRAK

Kajian ini dijalankan untuk mengenal pasti tahap kesediaan guru-guru PKPG sekolah rendah, mengajar mata pelajaran Kemahiran Hidup (komponen pilihan) di sekolah menengah dari aspek pengetahuan dan kemahiran amali. Sampel kajian terdiri daripada 86 orang guru-guru sekolah rendah PKPG, UTM kemasukan sesi 2005-2008. Borang soal selidik digunakan sebagai instrumen kajian ini. Data kemudiannya dianalisis menggunakan perisian *Statistical Package for Social Science (SPSS)* Versi 13.0 untuk mendapatkan kekerapan, peratus, min dan perbezaan min bagi setiap komponen pilihan dalam aspek yang dikaji. Hasil analisis menunjukkan tahap kesediaan guru-guru PKPG sekolah rendah, berada pada tahap sederhana dalam komponen pilihan Kemahiran Teknikal, Ekonomi Rumah Tangga serta Perniagaan dan Keusahawanan manakala komponen pilihan Pertanian berada pada tahap tinggi. Terdapat perbezaan yang signifikan antara jantina dengan tahap kesediaan pengetahuan dan kemahiran amali responden dalam tiga daripada empat komponen pilihan. Responden lelaki lebih bersedia dalam Kemahiran Teknikal berbanding responden perempuan yang lebih bersedia dalam Ekonomi Rumah Tangga serta Perniagaan dan Keusahawanan manakala, bagi komponen pilihan Pertanian kedua-dua responden bersedia daripada kedua-dua aspek yang dikaji. Dapatan kajian telah dibincangkan dan cadangan-cadangan berkaitan turut dikemukakan dalam laporan ini.

## ABSTRACT

This assessment is to observe the level of PKPG primary school teachers to teach Kemahiran Hidup (elective subject) subject in secondary school. The sample consists of 86 primary school teachers from PKPG UTM 2005-2008 session. Questionnaires were used as the instrument for this study. The data gathered were then analyzed using Statistical Package for Social Science (SPSS) Version 13.0 to obtain the frequency, percentage and mean for each of the knowledge and practical skill components. Result show that the level of readiness amongst PKPG primary school teachers are moderate for Technical Skills, Home Economics, Business and Entrepreneurship, while their readiness in Agriculture is high. There are also differences between the gender and the level of knowledge and practical skill of the respondents in three of four alternative components. The analysis shown, most of the male respondent more prepared for the technical skills compared to the female respondent which more prepared for Home Economics, Business and Entrepreneurship. Both of respondents are equally more prepared to Agriculture elective subject. It can be concluded, from the analysis a few recommendation has been suggested

## KANDUNGAN

<b>BAB</b>	<b>PERKARA</b>	<b>MUKA SURAT</b>
	<b>PENGESAHAN TESIS</b>	
	<b>DEDIKASI</b>	<b>iv</b>
	<b>PENGHARGAAN</b>	<b>v</b>
	<b>ABSTRAK</b>	<b>vi</b>
	<b>ABSTRACT</b>	<b>vii</b>
	<b>KANDUNGAN</b>	<b>viii</b>
	<b>SENARAI RAJAH</b>	<b>xiii</b>
	<b>SENARAI JADUAL</b>	<b>xiv</b>
	<b>SENARAI RINGKASAN</b>	<b>xvi</b>
	<b>SENARAI LAMPIRAN</b>	<b>xvii</b>
<b>1</b>	<b>PENDAHULUAN</b>	
	1.1 Pengenalan	1
	1.2 Latar Belakang Masalah	2
	1.3 Penyataan Masalah	7
	1.4 Objektif	8
	1.5 Persoalan Kajian	9
	1.6 Hipotesis Kajian	9
	1.7 Kepentingan dan Justifikasi Kajian	10
	1.7.1 Kementerian Pelajaran Malaysia	10
	1.7.2 Fakulti Pendidikan UTM	10

<b>BAB</b>	<b>PERKARA</b>	<b>MUKA SURAT</b>
	1.7.3 Guru PKPG	11
	1.7.4 Sekolah	11
1.8	Skop dan Batasan Kajian	11
1.9	Definisi Operasional	12
	1.9.1 Kesediaan	12
	1.9.2 Guru PKPG	12
	1.9.3 Guru PKPG Sekolah Rendah	13
	1.9.4 Komponen Pilihan	13
	1.9.5 Kemahiran Amali	13
	1.9.6 Pengetahuan	14
1.10	Penutup	14
<b>2</b>	<b>SOROTAN KAJIAN</b>	
	2.1 Pengenalan	15
	2.2 Latar Belakang Kemahiran Hidup	15
	2.2.1 Pengetahuan Guru Dalam Tajuk-tajuk Yang Terkandung Dalam Kemahiran Hidup (Komponen Pilihan)	21
	2.2.2 Kemahiran Amali Guru Dalam Tajuk- tajuk Yang Terkandung Dalam Kemahiran Hidup (Komponen Pilihan)	22
	2.2.3 Kesediaan Pengetahuan Dan Kemahiran Amali Guru-guru Dalam Mata Pelajaran Kemahiran Hidup.	24
	2.2.4 Dasar Kementerian Pelajaran Malaysia Memartabatkan Profesional Keguruan	25

<b>BAB</b>	<b>PERKARA</b>	<b>MUKA SURAT</b>
2.3	Kajian-kajian Lalu Yang Berkaitan Dengan Tahap Kesediaan Pengetahuan Dan Kemahiran Amali Guru-guru Dalam Mata Pelajaran Kemahiran Hidup	28
2.4	Penutup	30
<b>3</b>	<b>METADOLOGI</b>	
3.1	Pengenalan	31
3.2	Reka Bentuk Kajian	32
3.3	Tempat Kajian	32
3.4	Populasi Dan Sampel Kajian	33
3.5	Instrumen Kajian	33
	3.5.1 Soal Selidik	33
3.6	Kajian Rintis	34
	3.6.1 Kebolehpercayaan Soal Selidik	35
3.7	Prosedur Kajian	36
3.8	Prosedur Pengumpulan Data	37
3.9	Analisis Data	37
3.10	Penutup	38
<b>4</b>	<b>ANALISIS DATA</b>	
4.1	Pengenalan	39
4.2	Faktor Demografi	39
	4.2.1 Jantina	40
	4.2.2 Pengalaman Mengajar Di Sekolah Rendah	40
	4.2.3 Pengalaman Mengajar Mata Pelajaran Kemahiran Hidup	41
	4.2.4 Kelayakan	41

<b>BAB</b>	<b>PERKARA</b>	<b>MUKA SURAT</b>
4.3	Tahap Kesediaan Pengetahuan Guru-guru PKPG Sekolah Rendah, Mengajar Kemahiran Hidup Sekolah Menengah	42
4.4	Tahap Kesediaan Kemahiran Amali Guru-guru PKPG Sekolah Rendah, Mengajar Kemahiran Hidup Sekolah Menengah	46
4.5	Perbezaan Antara Tahap Kesediaan Pengetahuan Responden Mengikut Jantina	48
4.6	Perbezaan Antara Tahap Kesediaan Kemahiran Amali Responden Mengikut Jantina	51
4.7	Penutup	53
<b>5</b>	<b>RUMUSAN, PERBINCANGAN DAN CADANGAN KAJIAN</b>	
5.1	Pengenalan	55
5.2	Rumusan	55
5.3	Perbincangan	56
5.3.1	Faktor Demografi	57
5.3.2	Tahap Kesediaan Pengetahuan Dan Kemahiran Amali Guru-guru PKPG, Mengajar Kemahiran Hidup Sekolah Menengah.	57
5.3.3	Perbezaan Antara Kesediaan Pengetahuan Dan Kemahiran Amali Responden Mengikut Jantina.	60
5.4	Kesimpulan	61
5.5	Implikasi dan Cadangan Kajian	62
5.5.1	Pelajar PKPG Kemahiran Hidup	62
5.5.2	Jabatan Teknikal dan Kejuruteraan, UTM	62

<b>BAB</b>	<b>PERKARA</b>	<b>MUKA SURAT</b>
	5.5.3 Kementerian Pelajaran Malaysia	63
5.6	Cadangan Kajian Lanjutan	63
5.7	Penutup	64
	<b>RUJUKAN</b>	65
	<b>LAMPIRAN</b>	69
	LAMPIRAN A	
	LAMPIRAN B	

**SENARAI RAJAH**

<b>NO. RAJAH</b>	<b>TAJUK</b>	<b>MUKA SURAT</b>
1.1	Peratus Guru Mengikut Kelayakan	4

## SENARAI JADUAL

NO. JADUAL	TAJUK	MUKA SURAT
2.1	Deskripsi Bidang Pembelajaran dan Unit Mengikut Komponen Pilihan Dalam KHBSM	18
3.1	Skor Skala Empat Mata	34
3.2	Analisis Nilai Kebolehpercayaan (Alpha Cronbach)	36
3.2	Tahap Kesediaan Responden Berdasarkan Julat Min	38
4.1	Frekuensi dan Peratus Responden Mengikut Jantina	40
4.2	Frekuensi dan Peratus Responden Mengikut Pengalaman Mengajar Di Sekolah Rendah	40
4.3	Frekuensi dan Peratus Responden Mengikut Pengalaman Mengajar Mata Pelajaran	41
4.4	Frekuensi dan Peratus Responden Mengikut Kelayakan	41
4.5	Bilangan Item Mengikut Tajuk Yang Terkandung Dalam Komponen Pilihan (Aspek Pengetahuan)	43
4.6	Min, Sisihan Piawaian dan Tahap Kesediaan Pengetahuan Responden	44
4.7	Bilangan Responden dan Peratusan Tahap Kesediaan Pengetahuan Responden	45

<b>NO. JADUAL</b>	<b>TAJUK</b>	<b>MUKA SURAT</b>
4.8	Bilangan Item Mengikut Tajuk Yang Terkandung Dalam Komponen Pilihan (Aspek Kemahiran Amali)	46
4.9	Min, Sisihan Piawaian dan Tahap Kesediaan Kemahiran Amali Responden	47
4.10	Bilangan Responden dan Peratusan Tahap Kesediaan Kemahiran Amali Responden	47
4.11	Min, Perbezaan Min Antara Tahap Kesediaan Pengetahuan Responden Mengikut Jantina	48
4.12	Ujian t Bagi Tahap Kesediaan Pengetahuan Responden Mengikut Jantina	50
4.13	Min, Perbezaan Min Antara Tahap Kesediaan Kemahiran Amali Responden Mengikut Jantina	51
4.14	Ujian t Bagi Tahap Kesediaan Kemahiran Amali Responden Mengikut Jantina	52

**SENARAI RINGKASAN**

BIL	-	Bilangan
$f$	-	Frekuensi
%	-	Peratus
IPT	-	Institut Pengajian Guru
IPT	-	Institut Pengajian Awam
JPTK	-	Jabatan Pendidikan Teknik Dan Kejuruteraan
KHSR	-	Kemahiran Hidup Sekolah Rendah
KIPP	-	Konteks, Input, Proses dan Produk
KHBSM	-	Kemahiran Hidup Bersepadu Sekolah Menengah
KPM	-	Kementerian Pelajaran Malaysia
NO.	-	Nombor
PKPG	-	Program Khas Pensiswazahan Guru
PIPP	-	Pelan Induk Pembangunan Pendidikan
PTV	-	Pendidikan Teknikal Dan Vokasional
SPSS	-	<i>Statistical Packages for the Social Science</i>
UTM	-	Universiti Teknologi Malaysia

## SENARAI LAMPIRAN

### LAMPIRAN

### TAJUK

- |   |  |
|---|--|
| A | Borang Soal selidik                                |
| B | Jadual pensampel Krejcie R.V dan Morgan D.W (1970) |

# **BAB 1**

## **Pendahuluan**

### **1.1 Pengenalan**

Pada dekad terakhir abad ke-20 kita telah menyaksikan perubahan yang pesat dalam sistem pendidikan negara. Pelaksanaan dasar pendidikan diperkukuhkan melalui penggubalan dan pindaan akta dengan menaiktarafkan kelayakan guru-guru daripada sijil perguruan kepada diploma perguruan.

Manakala dalam Dasar Wawasan Negara 2001-2010, Kementerian Pelajaran Malaysia telah menambahbaik dan memantapkan sistem pendidikan bagi menyediakan 50 peratus guru sekolah rendah dan 100 peratus guru sekolah menengah kepada siswazah terlatih menjelang tahun 2010. Program Khas Pensiswazahan Guru (PKPG) telah dilaksanakan bagi memenuhi dasar ini, iaitu dengan memberi kelonggaran kepada guru-guru untuk mendapatkan ijazah melalui pelbagai kaedah. (Pelan Induk Pembangunan Pendidikan 2006-2010, 2006)

Kementerian Pelajaran Malaysia dengan kerjasama Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) yang terpilih, telah menawarkan ijazah kepada guru-guru bukan siswazah melalui Program Khas Pensiswazahan Guru (PKPG). Program ini mengambil tempoh selama tiga tahun pengajian iaitu tahun pertama di Institut Perguruan manakala tahun kedua dan ketiga di Institut Pengajian Tinggi Awam (IPTA).

Program PKPG dibuka kepada semua guru sekolah menengah dan sekolah rendah serta pegawai-pegawai pendidikan bukan siswazah yang berkhidmat dengan Kementerian Pelajaran Malaysia. Bagi merealisasikan Dasar Wawasan Negara untuk menyediakan 100 peratus guru siswazah di sekolah menengah maka peserta program PKPG akan ditempatkan untuk mengajar di sekolah menengah setelah tamat pengajian kelak mengikut pengkhususan masing-masing. Ini termasuklah guru-guru sekolah rendah yang mengikuti program PKPG akan diberi peluang untuk mengajar di sekolah menengah setelah berjaya memiliki ijazah kelak.

## **1.2 Latar Belakang Masalah.**

Menurut Sufean Hussin (2002), setiap guru di Malaysia mempunyai tahap pendidikan yang tertentu. Dalam memantapkan lagi profesion keguruan pelbagai cara telah diambil oleh kerajaan agar guru tidak tercicir dalam mengejar ilmu pengetahuan. Guru-guru di Malaysia perlu berkemahiran dan berpengetahuan agar dapat melaksanakan kurikulum yang telah diamanahkan. Di samping itu guru-guru yang mengajar juga digalakkan agar menyambung pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi lagi.


Daripada segi perkembangan profesional sendiri, mereka haruslah sentiasa bersedia untuk menambahkan pengetahuan. Ianya tidak terhad kepada pengetahuan asas sahaja malah pengetahuan dalam mata pelajaran dan penemuan baru dalam pendidikan perlu juga diberi perhatian.

Menyedari keperluan ini, Kementerian Pendidikan Malaysia telah menganjurkan beberapa program untuk mengsiswazahkan guru-guru bermula sejak tahun 1993 hingga sekarang, cuma bezanya daripada segi nama program sahaja. Daripada Program Berkembar (1993 hingga 1995) kepada Kursus Diploma Perguruan Khas (1996 hingga 1997) dan seterusnya Program Khas Pengsiswazahan Guru (1999 hingga sekarang).

Program-program ini dijalankan antara IPG dengan IPTA. Program yang dianjurkan ini merupakan saluran terbaik kepada guru-guru berkenaan yang sebelum ini tidak mempunyai peluang sedemikian. (Aziz Nordin dan Mohamad Arif Abdul Rani, 1995)

Pada tahun 2005, terdapat lebih kurang 327,000 orang guru iaitu 58.2 peratus di sekolah rendah dan 41.8 peratus di sekolah menengah. Daripada segi kelulusan akademik, 38.0 peratus adalah guru siswazah dan 56.4 peratus guru bukan siswazah manakala 5.60 peratus adalah guruambilan secara kontrak atau mereka yang tidak mempunyai latihan perguruan. Sebanyak 6.1 peratus guru sekolah rendah dan 82.4 peratus guru sekolah menengah adalah guru siswazah.

Mengikut taburan penempatan guru, jumlah keseluruhan guru di sekolah rendah sehingga Jun 2005 adalah seramai 190,336 orang. Daripada jumlah tersebut, seramai 149,852 berada di sekolah kebangsaan. Pada peringkat menengah, jumlah keseluruhan guru seramai 136,598 orang dan 122,253 daripadanya mengajar di sekolah menengah kebangsaan harian. Sehingga tahun 2005, jumlah guru siswazah di sekolah rendah adalah seramai 11,539 (6.1%) orang manakala di sekolah menengah pula seramai 112,578 (82.4%) orang. Rajah 1.1 menunjukkan Peratus Guru Mengikut Kelayakan 2005.

**Rajah 1.1** Peratus Guru Mengikut Kelayakan 2005

Sumber PIPP, 2001-2010:79

Menurut Abd. Rahman Daud (2002), pelbagai inisiatif disediakan dari masa ke semasa untuk menjadikan kerjaya keguruan lebih menarik disamping mendapat pengiktirafan yang wajar. Galakan dan inisiatif yang menarik juga diperkenalkan kepada Pegawai Perkhidmatan Pendidikan bukan siswazah yang berminat untuk melanjutkan pelajaran ke peringkat Ijazah. Dianggarkan seramai 81,500 guru bukan siswazah lepasan diploma akan disiswazahkan melalui pelbagai saluran yang ada, termasuk melalui PKPG melalui Unit Pusat Universiti menjelang 2010.

Justeru itu, Kementerian Pelajaran Malaysia telah bekerjasama dengan Universiti Teknologi Malaysia (UTM), menawarkan pengajian Ijazah Sarjana Muda Pendidikan bagi menjayakan program PKPG. Antara kursus-kursus yang ditawarkan UTM adalah Ijazah Sarjana Muda Teknologi serta Pendidikan (Kemahiran Hidup), Ijazah Sarjana Muda Sains dan Komputer serta Pendidikan (Matematik) dan Ijazah Sarjana Muda Sains dan Komputer serta Pendidikan (Sains) pada kemasukan 2005-2008. Pengkhususan ini

adalah mengikut keperluan guru-guru mata pelajaran yang kritikal di sekolah pada masa kini.

### **Mata Pelajaran Kemahiran Hidup Bersepadu**

Matlamat Kementerian Pelajaran Malaysia dalam mata pelajaran Kemahiran Hidup adalah untuk melahirkan pelajar yang berkemahiran dalam bidang usaha yang relevan dan bermakna untuk membolehkan mereka mendapat pekerjaan, memulakan perniagaan sendiri atau meneruskan latihan ke peringkat lebih tinggi. Objektif utama mata pelajaran Kemahiran Hidup Bersepadu diperkenalkan di sekolah akademik harian ialah:

- i. memberi peluang yang luas kepada pelajar memilih mata pelajaran mengikut minat dan bakat mereka;
- ii. membekalkan kemahiran vokasional terutamanya kepada pelajar yang cenderung dalam bidang ketukangan tangan;
- iii. memperluaskan pendidikan teknik dan vokasional di sekolah menengah akademik; dan
- iv. sebagai persediaan bagi memenuhi keperluan tenaga mahir dan separa mahir dalam perindustrian negara.

(Pusat Perkembangan Kurikulum, 2001)

Mata pelajaran ini digubal untuk menanam kesedaran celik teknologi melalui penguasaan pengetahuan dan kemahiran praktis serta pemupukan sikap yang positif berasaskan teknologi dan keusahawanan. Maka dengan itu mata pelajaran ini di sampaikan dalam bentuk teori dan kemahiran kerja amali.

Kandungan mata pelajaran ini diolah mengikut bidang pembelajaran yang mengandungi beberapa unit pembelajaran. Unit pembelajaran ini diuraikan dalam bentuk tajuk atau aktiviti. Mata pelajaran ini terbahagi kepada dua bahagian iaitu Teras dan Pilihan. Bahagian Teras mengandungi satu bidang pembelajaran iaitu Reka Bentuk dan Teknologi. Manakala Bahagian Pilihan mempunyai empat bidang pembelajaran iaitu Kemahiran Teknikal, Ekonomi Rumah Tangga, Pertanian dan juga Perdagangan dan Keusahawanan. Murid mengambil semua bidang pembelajaran dalam Bahagian Teras dan salah satu daripada empat bidang pembelajaran dalam Bahagian Pilihan.

Sebagai guru Kemahiran Hidup, pengetahuan isi pelajaran dan kemahiran melakukan kerja amali adalah penting bagi memastikan objektif pelajaran tercapai seperti yang diharapkan iaitu "... membekalkan kemahiran yang berguna dan berfungsi agar murid boleh bertindak dan mengendalikan kehidupan harian secara produktif dalam dunia teknologi dan industri yang kompleks dan sentiasa berubah." (Pusat Perkembangan Kurikulum, 2002)

Menurut Sharifah Alwiyah Alsogoff, (1987) berdasarkan maklumat yang telah digariskan dalam kandungan mata pelajaran Kemahiran Hidup satu daripada aspek yang perlu diberi perhatian ialah fungsi mata pelajaran ini terhadap pelajar. Ini disebabkan kerja-kerja praktikal dan amali adalah komponen yang penting dalam pembelajaran yang berasaskan sains dan kemahiran serta kefahaman dan kesedaran pelajar terhadap pembelajaran. Kerja amali adalah penting kerana persepsi seseorang mengenai situasi akan menentukan fahaman dan tingkahlakunya dalam situasi tersebut.

Mengajar disifatkan sebagai transmisi pengetahuan dari seorang individu ke individu atau kumpulan yang lain. Untuk mengajar bererti seseorang itu perlu mempunyai ilmu pengetahuan. Kajian-kajian diluar negara telah banyak dilakukan mengenai pemerolehan, pengembangan dan pembentukan pengetahuan oleh guru, terutamanya guru-guru dalam latihan (Doolittle, Schwager & Mitchell 1996, Graber

1995, Rink, French, Lee, Solmon, & Lynn 1994, Rovegno 1992 &1993, Schemp 1993). (dipetik dari Wan Zakaria, 2000)

### **1.3 Penyataan Masalah**

Seramai 126 orang guru telah mengikut program PKPG di UTM dalam pengajian Ijazah Sarjana Muda Teknologi serta Pendidikan (Kemahiran Hidup)ambilan 2005-2008. Mereka terdiri daripada guru-guru yang pernah berkhidmat dengan Kementerian Pelajaran Malaysia iaitu pernah mengajar di sekolah rendah atau menengah. Guru-guru PKPG ini telah menjalani pengajian tahun pertama di tiga Institut Penguruan iaitu Institut Perguruan Teknik, Institut Perguruan Tun Hussein Onn dan Institut Perguruan Temenggong Ibrahim.

Daripada jumlah 126 orang guru yang mengikuti pengajian Ijazah Sarjana Muda Teknologi serta Pendidikan (Kemahiran Hidup) seramai 101 orang guru adalah daripada guru-guru sekolah rendah, 24 orang guru adalah dari sekolah menengah manakala seorang daripada politeknik. (Fakulti Pendidikan UTM)

Berdasarkan sumber yang diperolehi, bilangan guru sekolah rendah adalah lebih tinggi berbanding guru dari sekolah menengah yang mengikuti program PKPG, Kemahiran Hidup. Mereka terdiri daripada guru-guru yang berpengalaman mengajar sekurang-kurangnya tiga tahun dan lebih.

Setelah setahun mengikuti pengajian di IPG dan dua tahun di UTM, mereka telah mendapat input pengetahuan dan kemahiran amali dalam tajuk-tajuk yang terkandung dalam sukatan pelajaran Kemahiran Hidup. Kemudian ilmu yang diperolehi akan di sampaikan kepada pelajar setelah keluar mengajar kelak. Mengikut Perkeliling bil. JPA(L)S.177/2/10-39/1 Ktl.2(59), guru-guru yang mengikuti program PKPG ini akan di

tugaskan mengajar di sekolah menengah kelak. Ini termasuklah guru-guru PKPG dari sekolah rendah.

Salah satu soalan yang sering diajukan ialah, apakah guru yang baik tahu mengenai isi kandungan, kurikulum serta pedagogi dalam bidangnya? Maka dalam kajian ini, penyelidik ingin mengenal pasti tahap kesediaan guru-guru PKPG sekolah rendah, mengajar mata pelajaran Kemahiran Hidup di sekolah menengah daripada aspek pengetahuan dan kemahiran amali.

#### **1.4 Objektif Kajian**

Beberapa objektif kajian telah dirangka sebagai garis panduan ke atas kajian yang dijalankan. Langkah ini perlu supaya matlamat kajian yang dirancang dapat dicapai sepenuhnya. Antara objektifnya adalah:

- i. untuk mengenal pasti tahap kesediaan pengetahuan guru-guru PKPG sekolah rendah, mengajar mata pelajaran Kemahiran Hidup di sekolah menengah dalam komponen pilihan Kemahiran Teknikal, Ekonomi Rumah Tangga, Pertanian dan juga Perniagaan dan Keusahawanan;
- ii. untuk mengenal pasti tahap kesediaan kemahiran amali guru-guru PKPG sekolah rendah, mengajar mata pelajaran Kemahiran Hidup di sekolah menengah dalam komponen pilihan Kemahiran Teknikal, Ekonomi Rumah Tangga dan Pertanian; dan
- iii. untuk mengenal pasti perbezaan antara tahap kesediaan pengetahuan dan kemahiran amali responden mengajar mata pelajaran Kemahiran Hidup di sekolah menengah dalam komponen pilihan mengikut jantina.

## 1.5 Persoalan Kajian

Berdasarkan objektif-objektif kajian, beberapa persoalan yang akan di jawab dalam kajian ini adalah seperti berikut:

- a. Apakah tahap kesediaan pengetahuan guru-guru PKPG sekolah rendah, mengajar mata pelajaran Kemahiran Hidup di sekolah menengah dalam komponen pilihan Kemahiran Teknikal, Ekonomi Rumah Tangga, Pertanian dan juga Perniagaan dan Keusahawanan.
- b. Apakah tahap kesediaan kemahiran amali guru-guru PKPG sekolah rendah, mengajar mata pelajaran Kemahiran Hidup di sekolah menengah dalam komponen pilihan Kemahiran Teknikal, Ekonomi Rumah Tangga dan Pertanian; dan
- c. Adakah terdapat perbezaan yang signifikan antara tahap kesediaan pengetahuan dan kemahiran amali guru-guru PKPG sekolah rendah, mengajar mata pelajaran Kemahiran Hidup di sekolah menengah dalam komponen pilihan mengikut jantina.

## 1.6 Hipotesis Kajian

- i. Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara tahap kesediaan pengetahuan responden lelaki dan perempuan mengajar mata pelajaran Kemahiran Hidup di sekolah menengah dalam komponen pilihan; dan
- ii. Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara tahap kesediaan kemahiran amali responden lelaki dan perempuan mengajar mata pelajaran Kemahiran Hidup di sekolah menengah dalam komponen pilihan